TERMA DAN SYARAT
PENYEWAAN PETAK TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM
(RIZAB)

1. Cara Permohonan

Permohonan penyewaan petak tempat letak kereta bermusim hendaklah dibuat melalui **aplikasi rasmi Tempat Letak Kereta Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT)** iaitu **HTPark** dengan mengisi maklumat yang diperlukan serta memuat naik dokumen sokongan yang berkaitan.

2. Pengisian Maklumat

Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat yang dikemukakan adalah lengkap, tepat dan benar. Pihak Majlis berhak menolak permohonan sekiranya maklumat yang diberikan tidak lengkap, tidak tepat atau meragukan.

3. Kadar Bayaran

Kadar bayaran sewaan petak tempat letak kereta bermusim adalah **RM180.00 sebulan bagi setiap petak.**

4. Penyediaan Papan Tanda

Penyewa adalah **DIWAJIBKAN** menyediakan papan tanda 'Parking Rizab' bagi setiap petak yang diluluskan. Kos penyediaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis **(Lampiran A)**.

5. Had Permohonan

Permohonan adalah terhad kepada maksimum **tiga (3) petak bagi setiap satu kawasan**, tertakluk kepada kelulusan pihak Majlis.

6. Pertimbangan Kelulusan

Pihak Majlis berhak mempertimbangkan dan menentukan jumlah petak yang diluluskan berdasarkan:

a) kesesuaian pelan;
b) keadaan tapak;
c) keperluan perancangan; dan
d) faktor trafik serta keselamatan.

7. Status Permohonan

Pemohon boleh menyemak status permohonan dan akan dimaklumkan setelah permohonan diluluskan atau ditolak melalui aplikasi HTPark.

8. Bayaran Sewaan

Bayaran hendaklah dijelaskan selepas permohonan diluluskan berdasarkan bil yang dikeluarkan melalui aplikasi.

9. Kaedah Pembayaran

Semua pembayaran hendaklah dibuat **melalui aplikasi rasmi Tempat Letak Kereta Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT)** iaitu **HTPark** menggunakan kaedah pembayaran yang disediakan dalam aplikasi.

10. Pengesahan Pembayaran

Pengesahan pembayaran adalah tertakluk kepada rekod transaksi dalam aplikasi dan dianggap muktamad kecuali dibuktikan sebaliknya.

11. Pengaktifan Sewaan

Penyewa hanya dibenarkan menggunakan petak sebagai tempat letak kereta bermusim (rizab) selepas:

a) kelulusan diperoleh; dan
b) bayaran disahkan dalam sistem aplikasi.

12. Syarat Penggunaan

Penyewa adalah **DILARANG**:

a) Membina sebarang struktur, menjalankan perniagaan atau meletakkan halangan di atas petak letak kereta tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Hulu Terengganu;
b) Menyewakan atau memindahkan hak penggunaan petak kepada pihak lain.

13. Penandaan Petak

Petak letak kereta yang diluluskan akan ditandakan dengan **cat kuning** dan diuruskan oleh pihak Majlis.

14. Penguatkuasaan

Tindakan **UNDANG-UNDANG** akan diambil sekiranya penyewa didapati menggunakan mana-mana petak selain daripada petak yang telah diluluskan.

15. Penyambungan Sewaan

Penyewa hendaklah mengemukakan permohonan penyambungan melalui aplikasi selewat-lewatnya **tujuh (7) hari sebelum tamat tempoh sewaan**.

16. Pembatalan

Pihak Majlis berhak untuk **MEMBATALKAN** penyewaan pada bila-bila masa dengan notis tujuh (7) hari sekiranya:

a) penyewa gagal mematuhi syarat;
b) bayaran tidak dijelaskan; atau
c) terdapat aduan berkaitan kesesakan atau gangguan lalu lintas.

Sebarang bayaran yang telah dibuat adalah **tidak akan dikembalikan**.

17. Notifikasi

Sebarang notifikasi berkaitan permohonan, kelulusan, bayaran dan pembatalan akan dimaklumkan melalui aplikasi atau emel berdaftar pemohon.

18. Rekod Digital

Semua rekod permohonan, kelulusan dan pembayaran akan direkodkan dan disimpan secara digital oleh pihak Majlis.

19. Tempoh Kelulusan

Tempoh pemprosesan dan kelulusan permohonan adalah dalam masa **empat belas (14) hari bekerja** dari tarikh permohonan lengkap diterima.

20. Pematuhan Perancangan

Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan perancangan dan zoning yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

Disahkan Oleh:

MOHD HAMDAN BIN MOHD NOR
SETIAUSAHA
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU

LAMPIRAN A
SPESIFIKASI PAPAN TANDA

